



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI SALAH LAKU SEKSUAL DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

PARANJOTHI YANOK A/L PAKIANATHAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH PSIKOLOGI PENDIDIKAN

FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2016



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi salah laku seksual dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Kajian menggunakan reka bentuk kaedah tinjauan dan kajian kes. Data dikumpul melalui soal selidik, temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Seramai 397 responden telah menjawab soal selidik. Data soal selidik dianalisis secara deskriptif. Dapatan soal selidik menunjukkan bahawa faktor yang mempengaruhi salah laku seksual dalam kalangan pelajar sekolah menengah ialah keluarga (Min = 2.780, SP = 0.572), pengalaman seksual, (Min = 2.555, SP = 0.412), rakan sebaya (Min = 2.588, SP = 0.436), media letronik (Min = 1.560, SP = 0.451), dan masyarakat (Min = 1.836, SP = 0.519). Kajian kes ke atas seorang pelajar lelaki dan empat pelajar perempuan yang bertujuan untuk meneroka dan memahami lebih mendalam lagi faktor-faktor yang telah dikenal pasti dalam kajian tinjauan soal selidik. Melalui data kajian kes, satu deskripsi dan perbincangan yang lebih terperinci tentang faktor-faktor seperti keluarga, pengalaman seksual pelajar, masyarakat, rakan sebaya, media lektronik, persekitaran pengajaran dan pembelajaran di sekolah telah dipersembahkan. Konsep seksualiti pelajar juga telah dapat diteroka melalui kajian kes yang dijalankan. Profil pelajar yang pernah terlibat dalam salah laku seksual juga telah dibentuk.





FACTORS INFLUENCING SEXUAL MISCONDUCT AMONG SECONDARY SCHOOL STUDENTS

ABSTRACT

The main aim of this study is to examine factors that influence sexual misconduct among secondary school students. The study employed survey and case study design. Data collected through questionnaire, interviews, observations and document analysis. A total of 397 respondents answered the questionnaire. Questionnaire data were analyzed descriptively. The result shows that factors that influence sexual misconduct among high school students is family (Mean = 2.780, SD = 0.572), sexual experience (Mean = 2.555, SD = 0.412), peers (Mean = 2.588, SD = 0.436), electronic media (Mean = 1.560, SD = 0.451), and society (Mean = 1.836, SD = 0.519). Case studies on a boy and four girls were carried out to explore and understand more deeply the factors that have been identified in the survey questionnaire. Through case studies, a more detailed descriptions and discussions of factors like family, sexual experience, community, peers, electronic media, teaching and learning environment in schools have been presented. The concept of sexuality among participants was also explored. Profile of students who have been involved in sexual misconduct has been developed.



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xv
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI LAMPIRAN	xviii

BAB 1 PENDAHULUAN	19
1.1 Pengenalan	19
1.2 Latarbelakang Kajian	21
1.3 Pernyataan Masalah	27
1.4 Objektif Kajian	37
1.5 Persoalan Kajian	38
1.6 Hipotesis Kajian	39
1.7 Kepentingan Kajian	40
1.8 Batasan Kajian	42
1.9 Definisi Operasional	43

1.9.1 Kematangan	44
1.9.2 Seksualiti	44
1.9.3 Salah laku Seksual	45
1.9.4 Norma sosial	47
1.9.5 Keibubabapaan	48
1.9.6 Kognitif	49
1.10 Kerangka Teoritikal Kajian	50
1.11 Pembolehubah Kajian	52
1.12 Kerangka Konseptual Kajian	53
1.13 Rumusan	54

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi 56

2.1 Pengenalan	56
2.2 Tahap Pengetahuan Seksual Remaja	59
2.3 Proses Perkembangan Diri Remaja	61
2.3.1 Perkembangan fizikal Remaja	62
2.3.2 Perkembangan emosi remaja	63
2.3.3 Perkembangan sosial remaja	64
2.3.4 Perkembangan seks remaja	65
2.3.5 Perkembangan moral dan agama	66
2.4 Masalah remaja	66
2.4.1 Keperluan diri remaja	68
2.5 Remaja Dan Tingkahlaku Seksual	69

 05-4506832	 pustaka.upsi.edu.my	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 ptbupsi
2.6	Bentuk Tingkahlaku Seks Remaja	70		
2.7	Faktor Yang Mempengaruhi Salah laku Seksual	72		
2.7.1	Pengaruh budaya barat	73		
2.7.2	Tekanan rakan sebaya	75		
2.7.3	Pengaruh media	76		
2.7.4	Penggunaan bahan	77		
2.7.5	Perhubungan ibu bapa dengan remaja	78		
2.7.6	Pengawasan ibu bapa	80		
2.7.7	Teman lelaki /perempuan	80		
2.7.8	Trait Psikososial	81		
2.7.9	Pentakrifan jantina	81		
 05-4506832	 pustaka.upsi.edu.my	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 ptbupsi
2.7.10	Identiti dan hubungan rapat	82		
2.7.11	Mengambil risiko	83		
2.7.12	Egocentrik	83		
2.7.13	Perasaan ingin tahu	85		
2.7.14	Kesimpulan	85		
2.8	Kesan Negatif Tingkahlaku Seksual	86		
2.8.1	Penyakit Penularan dengan Seksual	86		
2.8.2	AIDS	88		
2.8.3	Penghamilan dan Pengguguran	88		
2.8.4	Gangguan emosi	90		
2.9	Menghalang Tingkahlaku Seksual	91		
2.10	Teori- Teori Berkaitan	92		
 05-4506832	 pustaka.upsi.edu.my	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 ptbupsi

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi		
2.10.1	Teori Psikologi	93
2.10.1.1	Model Psikoanalisis	93
2.10.1.2	Model Tingkahlaku	99
2.10.1.3	Model Humanistik	106
2.10.1.4	Model Eksistentialisme	109
2.10.1.5	Model Interpersonal	110
2.11	Teori Sosiologi	110
2.11.1	Teori Konflik	110
2.11.2	Analisis teori sosiologi	112
2.11.3	Konsep Modernisasi	115
2.12	Teori Seksualiti	118
2.12.1	Teori Rangsangan Erotik Laluan	118
2.12.2	Tiga Tahap Kitaran Tindak Balas Seks Kaplan	119
2.12.3	Model Seksualiti Abramson	120
2.13	Rumusan	122
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN		123
3.1	Pengenalan	123
3.2	Reka bentuk penyelidikan	124
3.3	Kajian Tinjauan	125
3.3.1	Populasi Dan Sampel Kajian	125
3.3.2	Instrumen Kajian	128
3.4	Kajian Kes	138

	 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi	
3.4.1	Pemilihan Partisipan	139
3.5	Prosedur Pengumpulan Data	140
3.5.1	Fasa Pengumpulan Data	141
3.6	Prosedur Pengumpulan Data Kajian Kes	143
3.6.1	Proses dan prosedur temu bual	143
3.7	Penganalisan Data	152
3.7.1	Analisis Data Kajian Kes	152
3.7.2	Analisis Data Kajian Tinjauan (Soal selidik)	153
3.8	Kaedah Triangulasi	154
3.9	Etika Penyelidikan	155
3.10	Kekangan dan Halangan Kajian	159
3.11	Rumusan	162
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	163
4.1	Pengenalan	163
4.2	Profil Responden Kajian	164
4.3	Analisis Statistik Deskriptif	167
4.3.1	Dimensi pengetahuan seks	167
4.3.2	Dimensi keluarga	168
4.3.3	Dimensi rakan sebaya	170
4.3.4	Dimensi media massa	171
4.3.5	Dimensi Masyarakat	173
4.3.6	Rumusan	175
	 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi	

4.4 Soalan Kajian Pertama dan Kedua 175

4.4.1 Adakah terdapat perbezaan tahap pengetahuan terhadap salah laku seksual dalam kalangan pelajar sekolah menengah berdasarkan jantina. 177

4.4.2 Adakah terdapat perbezaan pengetahuan terhadap salah laku seksual dalam kalangan pelajar sekolah menengah berdasarkan bangsa. 178

4.4.3 Adakah terdapat perbezaan pengetahuan terhadap salah laku seksual dalam kalangan pelajar sekolah menengah berdasarkan agama. 179

4.4.4 Adakah terdapat perbezaan pengetahuan seksual dalam kalangan pelajar sekolah menengah berdasarkan penempatan tinggal bersama. 180

4.4.5 Adakah terdapat perbezaan pengetahuan terhadap salah laku seksual dalam kalangan pelajar sekolah menengah berdasarkan status hubungan ibu bapa. 181

 05-4506832
  pustaka.upsi.edu.my
  Perpustakaan Tuanku Bainun
  PustakaTBainun
  ptbupsi
 4.4.6 Adakah terdapat perbezaan pengetahuan terhadap salah laku seksual dalam kalangan pelajar sekolah menengah berdasarkan lokasi sekolah. 182

4.5 Soalan Kajian Ketiga 183

4.5.1 Adakah terdapat hubungan di antara faktor keluarga dengan pengetahuan seksual dalam kalangan pelajar sekolah menengah? 186

4.5.2 Adakah terdapat hubungan di antara faktor media massa dengan pengetahuan seksual dalam kalangan pelajar sekolah menengah? 187

4.5.3 Adakah terdapat hubungan di antara faktor rakan sebaya dengan pengetahuan seksual dalam kalangan pelajar sekolah menengah? 188

4.5.4 Adakah terdapat hubungan di antara faktor pengalaman seksual dengan pengetahuan seksual dalam kalangan pelajar sekolah menengah? 188

4.5.5 Adakah terdapat hubungan di antara faktor masyarakat dengan pengetahuan seksual dalam kalangan pelajar sekolah menengah? 189

05-4506832	pustaka.upsi.edu.my	Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	PustakaTBainun	ptbupsi
4.6	Rumusan			194
BAB 5	DAPATAN KAJIAN KES			195
5.1	Pengenalan			195
5.2	Hasil kajian dan perbincangan			196
5.2.1	Profil pelajar Don			196
5.2.1.1	<i>Pengalaman seksualiti pelajar Don</i>			198
5.2.2	Profil pelajar Rithika			202
5.2.2.1	<i>Pengalaman Seksualiti Rithika</i>			203
5.2.3	Profil pelajar Sya			204
5.2.3.1	<i>Pengalaman seksualiti pelajar Sya</i>			206
5.2.4	Profil pelajar Ain			208
5.2.4.1	<i>Pengalaman seksualiti pelajar Ain</i>			209
5.2.5	Profil pelajar Mas			209
5.2.5.1	<i>Pengalaman seksualiti pelajar Mas</i>			211
5.3	Analisis Kajian Kes			211
5.3.1	Dimensi Keluarga Pelajar			212
5.3.2	Dimensi Rakan Sebaya			215
5.3.3	Dimensi Media Massa			217
5.3.4	Dimensi Masyarakat			219
5.3.5	Dimensi Pengalaman Seks			221
5.3.6	Dimensi Persekitaran Sekolah			223

5.4 Rumusan	226
-------------	-----

BAB 6 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN 229

6.1 Pengenalan	229
----------------	-----

6.2 Perbincangan dapatan kajian	230
---------------------------------	-----

6.2.1 Perkembangan Remaja dan Pengetahuan Seksual	231
---	-----

6.2.2 Hubungan Remaja dengan Keluarga	233
---------------------------------------	-----

6.2.3 Pengaruh Rakan Sebaya	238
-----------------------------	-----

6.2.4 Pengaruh Masyarakat	241
---------------------------	-----

6.2.5 Pengaruh Media Telekomunikasi	244
-------------------------------------	-----

6.2.6 Persekitaran Pembelajaran di Sekolah	245
--	-----

6.2.7 Naluri Ingin Tahu dan Keperluan Untuk Bebas	249
---	-----

6.2.8 Kesimpulan	252
------------------	-----

6.3 Implikasi Dapatan Kajian Dan Cadangan	253
---	-----

6.3.1 Kesedaran Pendidikan Seksual	254
------------------------------------	-----

6.3.2 Peranan Kekeluargaan	255
----------------------------	-----

6.3.3 Kawalan keatas Rakan Sebaya	257
-----------------------------------	-----

6.3.4 Peranan Masyarakat	257
--------------------------	-----

6.3.5 Kawalan keatas Media Telekomunikasi	258
---	-----

6.3.6 Pendidikan Keagamaan	260
----------------------------	-----

6.3.7 Pemahaman Terhadap Seksualiti	261
-------------------------------------	-----

6.4 Kerangka Profil Pelajar Salah laku Seksual	264
--	-----

6.5 Cadangan Kajian Lanjut	267
----------------------------	-----

6.6 Rumusan

269

RUJUKAN

271

LAMPIRAN

- A SOAL SELIDIK
- B SOAL SELIDIK KAJIAN KES
- C BORANG PENGESANAN INSTRUMEN KAJIAN
- D KELULUSAN UNTUK MENJALANKAN KAJIAN BPPDP
- E KELULUSAN UNTUK MENJALANKAN KAJIAN JPN PERAK

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1. 1 Statistik Jenayah dalam Kalangan Pelajar (Januari hingga Disember 2013)	28
1. 2 Tingkah laku Seksual Remaja Mengikut Umur	31
1. 3 Remaja yang menjadi ibu sebelum berkahwin	37
3. 1 Senarai sampel kajian	126
3. 2 Taburan Responden Berdasarkan Jantina dan lokasi kajian	127
3. 3 Markah Petunjuk Min dan Peratus	131
3. 4 Ujian Normaliti Bagi Taburan Data	133
3. 5 Keputusan dari analisis	134
3. 6 Analisis Faktor	135
3. 7 Pembolehubah Salah laku Seks	137
3. 8 Skala Pemarkahan	138
3. 9 Analisis Statistik Untuk Mengukur Salah laku Seksual serta Faktor-Faktor yang terlibat	153
4. 1 Taburan Responden Berdasarkan Jantina	164
4. 2 Taburan Responden Berdasarkan Bangsa	165
4. 3 Taburan Responden Berdasarkan Agama	165
4. 4 Taburan Responden Berdasarkan Tinggal Bersama	166
4. 5 Taburan Responden Berdasarkan Status Perhubungan	166
4. 6 Taburan Responden Berdasarkan Lokasi Sekolah	167

4. 7 Pengetahuan terhadap salah laku seksual berdasarkan jantina	177
4. 8 Pengetahuan seksual berdasarkan bangsa	178
4. 9 Pengetahuan terhadap salah laku seksual berdasarkan agama	179
4. 10 Pengetahuan terhadap salah laku seksual berdasarkan penempatan tinggal	180
4. 11 Salah laku seksual berdasarkan status hubungan Ibu bapa	181
4. 12 Pengetahuan terhadap salah laku seksual berdasarkan lokasi sekolah	182
4. 13 Keterangan Nilai Pekali Korelasi	184
4. 14 Taburan Skor Min, Sisihan Piawai dan Frekuensi bagi Pembolehubah Kajian	185
4. 15 Hubungan di antara Faktor Keluarga dengan Pengetahuan Seksual	186
4. 16 Hubungan di antara Faktor Media Massa dengan Pengetahuan Seksual	187
4. 17 Hubungan di antara faktor Rakan Sebaya dengan Pengetahuan Seksual	188
4. 18 Hubungan di antara Faktor Pengalaman Seks dengan Pengetahuan Seksual	189
4. 19 Ujian Korelasi Hubungan di antara Faktor Masyarakat dengan Pengetahuan Seksual	189
6. 1 Kerangka Profil Pelajar Yang Terlibat Dalam Salah laku Seks	266

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1. 1. Model Sistem Seksual Abramson (1981)	50
1. 2. Kerangka kajian	54
2. 1. Pembolehubah sendiri	101
2. 2. Susunan keperluan Maslow	108
3. 1. Rekabentuk Triangulasi	154
4. 1. P-Plot	192
4. 2. Scatterplot	192



SENARAI LAMPIRAN

- A Soal Selidik
- B Soal Selidik Kajian Kes
- C Borang Pengesanan Instrumen Kajian
- D Kelulusan Untuk Menjalankan Kajian BPPDP
- E Kelulusan Untuk Menjalankan Kajian JPN Perak



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pelbagai gejala sosial telah melanda masyarakat kita pada hari ini dengan pelbagai aktiviti yang dilakukan oleh remaja dan dewasa. Namun, oleh sebab golongan pelajar yang digelar sebagai remaja merupakan bakal pewaris negara, maka kegiatan merekalah yang hangat diperkatakan dan mendapat perhatian daripada segenap lapisan masyarakat. Media massa seringkali menyiarkan pelbagai berita dan cerita tentang kenakalan remaja yang masih bersekolah dan pelbagai masalah sosial yang melanda mereka ini. Masalah sosial dan perbuatan jenayah membabitkan pelajar yang berusia remaja benar-benar membimbangkan kita.

Remaja adalah golongan masyarakat dalam lingkungan umur 10 hingga 19 tahun. Mereka boleh diklasifikasikan kepada tiga peringkat, iaitu awal remaja yang berumur antara 10 hingga 14 tahun, pertengahan remaja yang berumur antara 15 hingga 17 tahun, dan akhir remaja yang berumur antara 18 hingga 19 tahun (Hanafi, 2000). Jika dilihat daripada segi nisbahnya, golongan remaja mewakili 1:5, iaitu seorang remaja kepada lima orang penduduk dunia (WHO, 2005).

Semakin ramai dalam kalangan kanak-kanak lelaki dan perempuan di negara-negara membangun kini terlibat dengan hubungan seks sebelum umur mereka 15 tahun (Dixon-Muller, 2009). Penglibatan remaja dalam aktiviti seksual pada usia yang muda boleh menyebabkan kemudaratan kepada emosi, fizikal dan sosial kanak-kanak (Jejeebhoy, Shah & Thapa, 2005). Hal ini demikian, terutamanya kepada kanak-kanak dan remaja perempuan (Hindin & Fatusi, 2009). Di Malaysia, lebih 300 remaja yang berusia 13 hingga 25 tahun didapati terlibat dengan salah laku seksual dan seks bebas sehingga menyebabkan kehamilan dan seterusnya melakukan penguguran janin (Mohammad Sabran, 2003). Pada masa yang sama, negara juga sedang menghadapi dilema sosial yang melibatkan peningkatan kes pembuangan bayi. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, purata sebanyak 100 orang bayi dibuang di Malaysia setiap tahun dan kebanyakannya telah mati apabila ditemui (Pak, 2010).

Remaja masa kini aktif melakukan hubungan seks lebih dari seorang pasangan. Kajian oleh Shutt-Aine dan Maddaleno (2003), mendapati 50 peratus remaja di Amerika di bawah umur 17 tahun aktif melakukan hubungan seksual . Selain itu, kajian terhadap

masyarakat peribumi pula oleh Wendy et al. (2006) terhadap 4135 remaja American Indian yang berusia lingkungan 13 hingga 18 tahun di Minnesota mendapati bahawa 40 peratus yang berusia lingkungan 13 hingga 15 tahun dan 69 peratus remaja berusia 16 hingga 19 tahun melakukan hubungan seksual.

Disebabkan gejala seks bebas remaja ini semakin meningkat dari masa ke semasa, maka isu ini telah menarik minat ramai pengkaji untuk menjalankan kajian terhadap tingkah laku seksual remaja sebagai sumber maklumat untuk menjangka intervensi yang sesuai bagi mencegah dan menangani permasalahan ini.

1.2 Latarbelakang Kajian

 05-4506832
  pustaka.upsi.edu.my
  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah
  PustakaTBainun
  ptbupsi

Peratusan penduduk Malaysia pada peringkat remaja semakin meningkat. Berdasarkan kajian penduduk dan keluarga Malaysia oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, adalah didapati bahawa lebih 30 peratus penduduk Malaysia adalah remaja di bawah usia 15 tahun (LPPKN, 2004). Manakala, Jabatan Perangkaan Malaysia menganggar 20.2 peratus penduduk Malaysia pada pertengahan tahun 2006 terdiri daripada remaja. Kajian Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (2004) mendapati 12.0 peratus remaja lelaki Semenanjung, 9.6 peratus remaja lelaki Sabah dan 5.8 peratus remaja lelaki Sarawak pernah membaca majalah lucah. Manakala, bagi remaja perempuan terdapat 3.8 peratus remaja perempuan Semenanjung, 2.9 peratus remaja perempuan Sabah dan 1.4 peratus remaja perempuan Sarawak mengaku pernah

membaca majalah lucah. Kajian tersebut juga menunjukkan 80% remaja berumur 13 hingga 18 tahun telah terdedah kepada bahan lucah. Sebanyak 50% remaja berumur antara 13 hingga 15 tahun mengaku telah membaca buku lucah dan 44% lagi mengaku telah melihat bahan lucah seperti majalah dan menonton video lucah.

Seks merupakan bidang yang amat popular dalam kalangan pengguna internet (Ahmad Rizal, 2005). Mereka yang melayari internet terdiri daripada pelbagai umur termasuk remaja. Ini kerana capaian ke laman web berkaitan seks amat mudah dan pantas. Ini menjadikan serius bila banyak masalah sosial wujud akibat pengaruh laman web berunsurkan seks. Peratusan remaja lelaki yang pernah menonton video lucah pula seramai 17.6 peratus di semenanjung, 14.7 peratus di Sabah dan 12.4 peratus di Sarawak, manakala remaja perempuan yang mengaku pernah menonton video lucah pula seramai 2.4 peratus di Semenanjung, 4.5 peratus di Sabah dan 2.3 peratus di Sarawak. Peratus remaja lelaki yang pernah melakukan hubungan seks luar nikah pula seramai 3.8 peratus di Semenanjung, 2.8 peratus di Sabah dan 4.1 peratus di Sarawak, remaja perempuan yang mengaku pernah melakukan hubungan seks luar nikah adalah seramai 0.6 peratus di Semenanjung, 1.3 peratus di Sabah dan 1.4 peratus di Sarawak. Bagi kes remaja yang tidak membantah cara hidup homoseksual, dalam kalangan remaja lelaki 17.1 peratus di Semenanjung, 16.0 peratus di Sabah dan 12.7 peratus di Sarawak, manakala peratus dalam kalangan remaja perempuan ialah 16.5 peratus di Semenanjung, 15.8 peratus di Sabah dan 13.6 peratus di Sarawak.

Menurut Lee dalam Gudhaju (2002), dapatan kajian ke atas remaja di Malaysia yang berumur antara 13 hingga 19 tahun menunjukkan bahawa 40% responden telah mula keluar berpacaran dengan pasangan seawal umur 13 tahun. Pada umur 18 tahun, 84% sudah mula berpegangan tangan, 85% bercium dan mencium leher dan 83% meraba, manakala dalam tinjauan ke atas isi rumah, 15 mengaku telah mengadakan hubungan seks sementara dalam tinjauan media mendapati 24% telah mengadakan hubungan seks di mana 18.4% daripadanya mula mengadakan hubungan seks semasa berumur antara 15 hingga 18 tahun. Menurutnya lagi, didapati 45% responden berumur 15 hingga 21 tahun telah mula keluar berdua-duaan dan 9% dilaporkan telah mengadakan hubungan seks sebelum kahwin.

Zaman remaja merupakan jangka masa perkembangan individu yang dapat menentukan tahap kesihatan masa kini dan yang akan datang. Ini adalah kerana pada masa inilah mereka mula membuat keputusan secara bebas tentang salah laku diri mereka (William, Holmbeck & Guremley, 2002). Menurut Lerner (2002), remaja dapat merasai perubahan fizikal, psikologi, seksual dan kognitif pada peringkat ini, tetapi perubahan ini tidaklah sejajar.

Apakah pola tingkahlaku seks remaja tempatan memiliki bentuknya sendiri? Kajian yang dilakukan oleh Chan (1987) tentang sikap dan pengetahuan orang Melayu terhadap seks mendapati bahawa etnik dan agama memiliki kesan yang kuat terhadap sikap dan pengetahuan pelajar-pelajar pengajian tinggi terhadap seks. Pelajar-pelajar Melayu yang beragama Islam didapati menunjukkan sikap yang amat tidak permisif

terhadap tingkahlaku seks yang tidak bersopan dan terbatas. Pengetahuan mereka dengan hal-hal yang berkaitan dengan seks adalah amat rendah jika dibandingkan dengan pelajar-pelajar dari etnik dan agama lain.

Corak penglibatan tingkahlaku seksual dalam kalangan remaja bergantung kepada ciri-ciri fizikal dan tahap perkembangan kognitif, pengaruh rakan, dan nilai kekeluargaan. Di samping itu, pergaulan rakan sebaya menjadi faktor utama yang mempengaruhi remaja yang terjebak dalam gejala seksual. Walau bagaimanapun, remaja yang mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan ibu bapa akan melambatkan penglibatan mereka dalam tingkahlaku seksual Dittus & Jaccard, (2000).

Menurut Freud (1986), zaman remaja adalah jangka masa yang penuh dengan kekeliruan, kesedihan dan konflik. Oleh itu, adalah penting bagi orang dewasa khususnya ibu bapa, pendidik dan ahli masyarakat untuk mengikuti perkembangan remaja. Mereka sewajarnya membantu remaja supaya mengelakkan diri dari terjebak dengan kegiatan yang negatif. Remaja akan mudah terpengaruh dan suka mengabaikan pelajaran jika tidak dikawal atau kurang diberi perhatian. Akhirnya ini akan menghasilkan satu budaya remaja yang tidak produktif seperti melepak, mencuri, ponteng sekolah, salah laku seksual dan juga terlibat dalam pelbagai gejala sosial lain. Menurut Alphonsus (2003), seks dilihat sebagai suatu kuasa dalaman yang utama dalam mengarah dan mempengaruhi tingkah laku manusia.

Kajian yang dilakukan oleh Salmatussaadah (2010), terdapat remaja hamil di Taman Sri Puteri Kuala Lumpur berkenaan dengan keinginan mengadakan hubungan intim dan kesannya kepada remaja. Hasil kajian mendapati bahawa remaja hamil memberi makna mengenai hubungan intim, cinta dan seks menurut pandangan mereka secara berbeza-beza. Manakala motif utama mereka melakukan hubungan intim adalah untuk mendapatkan kasih sayang, perhatian, kebahagiaan, keseronokan dan keselamatan daripada pasangan.

Perkembangan remaja juga amat dipengaruhi oleh persekitarannya. Persekitaran yang terdekat dan terpenting buat remaja ialah keluarga mereka. Mengikut Hoon (1991), keluarga berperanan untuk membentuk personaliti seseorang sejak kecil dan terus memberikan pengaruh yang amat besar kepada tingkahlaku, sikap dan pemikiran seseorang dalam alam dewasa. Kajian terdahulu di Malaysia dan di Barat oleh Fatanah (1997) telah menunjukkan bahawa hubungan kekeluargaan yang baik telah dikaitkan dengan kesejahteraan hidup remaja dalam aspek-aspek kepuasan hidup, konsep sendiri, tingkahlaku seks, dan pencapaian akademik.

Tinjauan oleh Darling (1984), tentang tingkahlaku seks remaja di Amerika Syarikat dari tahun 1900 sehingga 1980 telah mengenalpasti adanya tiga jangka masa perkembangan tingkahlaku seks. Setiap ciri-ciri melalui perbezaan piawaian tentang seks. Awalnya dinilai pada dekad 20-an yang diakhiri hingga 1940-an atau awal tahun 1950-an, adalah jangka masa yang dinamakan piawai ganda, dengan aktiviti seks hanya boleh dilakukan oleh anak dalam usia pelajar lelaki sahaja, sedangkan anak perempuan

dilarang untuk melakukannya. Jangka masa kedua terjadi beberapa tahun kemudian, seks sebelum berkahwin diizinkan bagi pasangan yang akan menikah. Akhir tahun 1960-an, perkahwinan tidak lagi menjadi agenda penting untuk aktiviti seks yang dilakukan oleh kedua jantina. Kenyataan ini juga disokong oleh Hurlock (1991) yang menyatakan bahawa telah berlaku peningkatan aktiviti seks pada masa 1980-an. Kajian Moore (1993), menjelaskan bahawa revolusi seks itu terjadi pada tahun 1960-an dan 1970-an yang dicirikan oleh sikap masyarakat yang permisif terhadap seks.

Satu kajian telah dilakukan oleh Fakulti Psikologi Universiti Padjadjaran, Indonesia mengenai tingkahlaku seks yang dilakukan oleh pelajar-pelajar sekolah menengah di beberapa bandaraya di Jawa Barat, iaitu di; Bandung, Cirebon, Bogor dan Sukabumi. Kajian dilakukan terhadap 1,122 orang pelajar. Hasil yang diperoleh menunjukkan bahawa, pelajar sekolah menengah yang telah melakukan hubungan seks sebelum berkahwin di Bandaraya Bandung sebanyak (21.7 peratus), dan di Bandaraya Cirebon sebanyak (31.6 peratus), sedangkan di Bandaraya Bogor (30.8 peratus) dan di Bandaraya Sukabumi (26.5 peratus) (Hai, 1995).

Terdapat banyak sebab bagi kumpulan pelajar-pelajar dari kolej di negara Korea yang berisiko tinggi terhadap tingkahlaku seksual yang berisiko. Apabila remaja didaftarkan di kolej buat kali pertama mereka merasa bebas daripada kawalan ibu bapa dan peraturan sekolah (Yuan, 1996), pelajar-pelajar mempunyai pandangan yang bebas terhadap seks sebelum perkahwinan dan mempunyai peluang yang lebih banyak untuk terlibat dalam gejala seksual. Memandangkan mereka meluangkan lebih banyak masa dengan kumpulan